

Ahmad Khairi Aswad Ishak
aswad@psa.edu.my

9/05/2018

Kuantan: Pasukan Politeknik Selangor berjaya mengekalkan kejuaraan buat kali kedua berturut-turut di Kejuaraan Liga Futsal Politeknik Malaysia (LFPM) 2018 selepas menjinakkan Politeknik Pahang menerusi penentuan penalti selepas kedudukan terikat 5-5 di final yang berlangsung di Kompleks Sukan UIAM, Kuantan, baru-baru ini.

Kejohanan yang berlangsung selama enam hari itu dianjurkan Majlis Sukan Politeknik, membabitkan penyertaan 11 pasukan.

Jurulatih Politeknik Selangor, Aswad Ishak berkata, semangat juang tinggi pemain sepanjang kejohanan menjadi faktor utama yang membolehkan mereka mengekalkan kejuaraan walaupun ditentang sengit Politeknik Pahang yang ju-

Politeknik Selangor kekal kejuaraan kali kedua



PEMAIN Politeknik Selangor bergambar dengan piala LFPM di menangi.

ga tuan rumah. Menurutnyanya, di final, kedua-dua pasukan mempa-

mer kesungguhan dan aksi yang mendebarakan sehingga mengheret perlawanan ke

masa tambahan.

"Misi utama pasukan adalah untuk menamatkan

saingan di kelompok tiga terbaik memandangkan ia sangat kompetitif dan se-

mua pasukan sudah bersedia.

"Namun, gabungan pemain lama dan baru yang dibentuk kira-kira tiga bulan lalu menjadi ramuan terbaik kami untuk menjuarai kejohanan kali ini. Walaupun berdepan tekanan pasukan lain di peringkat awal, persiapan rapi dari segi mental dan fizikal berjaya mengekalkan rentak pasukan sehingga tamat kejohanan," katanya.

Lebih manis, pemain Politeknik Selangor yang juga pemain kebangsaan, Muhammad Nurasyraaf berjaya meraih Anugerah Penjaring Terbanyak.

Trofi dan hadiah disampaikan Pengarah Bahagian Perancangan Politeknik, Muhammad Rumzi Mamat sambil diiringi Pengarah Politeknik Pahang, Norlida Abd Razak dan wakil penaja, Futsal Chuteiras yang turut hadir menyaksikan final.